



Buletin

**SEDIA
MENYELAMAT
999**

"CEPAT DAN MESRA"

BIL 3/2013 ISSN 1985-0859

BOMBA

JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA
Fire and Rescue Department of Malaysia

**Majlis Perasmian Akademi
Bomba dan Penyelamat Malaysia
Wakaf Tapai, Terengganu**



Majlis Pelancaran "Ops Raya" dan *Anti Litter* Sempena Musim Perayaan Tahun 2013 Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan

KANDUNGAN

Bil	M/S	Bil	M/S
1	3	23	26
2	4	24	27
3	5	25	28
4	6	26	30
5	7	27	31
6	8	28	32
7	9	29	33
8	10	30	34
9	12	31	35
10	13	32	36
11	14	33	37
12	15	34	38
13	16	Sidang Redaksi	
14	17	Penaung YAS Dato' Wan Mohd Nor bin Hj. Ibrahim	
15	18	Penasihat YAS Dato' Mahadi bin Md Ali YAS Dato' Hj. Amer bin Hj. Yusof	
16	19	Ketua Editor PPJB Sobberi bin Basiran	
17	20	Editor PgKB I Lee Siew Fatt PgB Norizan bin Saad	
18	21	Pengarang PgKB I Abd Fathulmuen bin Abd Salam PgKB I Henderi bin Ardimansyah PgB Mohd Hafiz bin Suhaimi PKPgB Azman bin Husien@Hasan PKPgB Rozizah binti Abni Hajar PKPgB Che Ku Azlizam bin Che Ku Daud PKPgB Mohd Fadli bin Nik Abu PKPgB Mohd Effendi bin K.Ramin PKPgB Anuar bin Hj. Hassan PKPgB Tan Min Chai PKPgB Ramali bin Arbaie PPgB Nor Azlinda binti Mohd Ajlan PBT Ismail Abdullah PBK I Zulkifli bin Abdullah PBK I Bazri bin Abdul Rahman	
19	22	Bhg. Pengurusan Korporat Bhg. Pengurusan Korporat JBPM Kedah JBPM Pulau Pinang JBPM Terengganu JBPM Kuala Lumpur JBPM Perak JBPM Sabah JBPM Pahang JBPM Sarawak JBPM Negeri Sembilan Bhg. Pengurusan Korporat JBPM Johor JBPM Selangor JBPM Kelantan	
20	23	Fotografi PB Khairul Azmi bin Mohd Noor PB Syed Fitri bin Syed Abas PB Mohd Hanafi bin Baharudin Unit Perhubungan Awam Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri-Negeri	
21	24		
22	25		

Seluruh warga Bomba dan Penyelamat Malaysia

Dialu-alukan menyumbang penulisan sama ada dalam bentuk rencana, laporan, aktiviti bulanan, pandangan atau pendapat lain-lain hal yang berkaitan dengan Jabatan. Sumbangan boleh dimajukan kepada:

Sidang Redaksi, Buletin Bomba

Bahagian Pengurusan Korporat, Ibu Pejabat Bomba dan Penyelamat Malaysia, Lebu Wawasan, Presint 7, 62250 Putrajaya
Tel : +603-8888 0036 Faks : +603-8888 0840 Emel : korporat@bomba.gov.my Laman Web : <http://www.bomba.gov.my>

KUNJUNGAN HORMAT

JAPAN INTERNATIONAL COOPERATION AGENCY (JICA)


KE PEJABAT KETUA PENGARAH, JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA, PUTRAJAYA



3 Julai 2013 (Rabu) - YAS Dato' Wan Mohd Nor bin Hj. Ibrahim, Ketua Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia telah menerima kunjungan hormat daripada Delegasi Japan International Cooperation Agency (JICA) di Pejabat Ketua Pengarah pada 3 Julai 2013.

Tujuan utama kunjungan hormat tersebut adalah untuk membincangkan peluang bekerjasama antara JBPM dengan pihak JICA serta mengeratkan hubungan dua (2) hala antara kedua-dua belah pihak.

Turut hadir ialah YAS Dato' Hj. Amer bin Hj. Yusof Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan), Penolong-penolong Ketua Pengarah serta pegawai kanan jabatan.





LAWATAN MESRA YAS KETUA PENGARAH JBPM

KE BALAI BOMBA DAN PENYELAMAT
ENDAU, JOHOR

5 Julai 2013 (Jumaat)
- Balai Bomba dan Penyelamat Endau telah menerima lawatan YAS Dato' Wan Mohd Nor bin Hj. Ibrahim, Ketua Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia pada 5 Julai 2013 (Jumaat). Kunjungan tersebut disambut oleh PBK I Sulong bin Khaled, Ketua Balai BBP Endau, Johor.

Turut hadir ialah YS TPjB Dato Soiman bin Jahid, Penolong Ketua Pengarah Bahagian Operasi Kebombaan dan Penyelamat, YS PKPjB Dato' Ab. Ghani bin Daud, Pengarah JBPM Negeri Johor, YS PKPjB Dato Abdul Wahab bin Mat Yasin, Pengarah JBPM Negeri Pahang, serta pegawai kanan jabatan.

Program dimulakan dengan melawat sekitar BBP Endau, jamuan makan dan diakhiri dengan sesi bergambar.



LAWATAN MESRA YAS KETUA PENGARAH KE BALAI BOMBA DAN PENYELAMAT ROMPIN, PAHANG

5 Julai 2013 (Jumaat) - YAS Dato' Wan Mohd Nor bin Hj. Ibrahim, Ketua Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia telah mengadakan lawatan mesra ke Balai Bomba dan Penyelamat Rompin, Pahang pada 5 Julai 2013 (Jumaat).

Turut hadir ialah YS TPjB Dato' Soiman bin Jahid, Penolong Ketua Pengarah, Bahagian Operasi Kebombaan dan Penyelamat, YS PKPjB Dato' Abdul Wahab bin Hj. Mat Yasin, Pengarah JBPM Negeri Pahang, YS PKPjB Dato' Ab Ghani bin Daud, Pengarah JBPM Negeri Johor serta pegawai kanan jabatan. Sempena lawatan tersebut, YAS Ketua Pengarah berkesempatan memasak juadah udang galah goreng untuk hidangan jamuan pada majlis tersebut. Lawatan tersebut diakhiri dengan menandatangani buku lawatan oleh YAS Ketua Pengarah dan sesi bergambar.



MAJLIS PELANCARAN PROGRAM RAKAN PEMBIMBING PERKHIDMATAN AWAM (AKRAB) JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA

8 Julai 2013 (Isnin) - Majlis Pelancaran Program Rakan Pembimbing Perkhidmatan Awam (AKRAB) Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia telah diadakan di Dewan Sutera, Ibu Pejabat JBPM, Putrajaya pada 8 Julai 2013.

Majlis dimulakan dengan penyampaian Sijil Pelantikan Jawatankuasa AKRAB oleh YAS Dato' Wan Mohd Nor bin Hj. Ibrahim, Ketua Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia kepada 36 pegawai dan kakitangan JBPM yang ditauliahkan sebagai Ahli AKRAB. Turut diadakan sempena program tersebut adalah Pelancaran Buletin AKRAB dan persembahan multimedia.



Tujuan utama program dan aktiviti AKRAB adalah untuk memupuk semangat berpasukan, keakraban, memberi sokongan dan bimbingan kepada rakan sekerja melalui perjumpaan perseorangan atau dalam bentuk berkumpul dengan konsep rakan membantu rakan.



Turut hadir ialah Tuan Hj Ab. Latif bin Ibrahim, Presiden AKRAB, Penolong-penolong Ketua Pengarah, Pegawai-pegawai kanan serta kakitangan JBPM.





8 Julai 2013 (Isnin) - Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia telah mengadakan lawatan kerja ke Jabatan Hal Ehwal Veteran ATM, Kementerian Pertahanan Malaysia pada 8 Julai 2013 yang diketuai oleh YS PPjB Sobberi bin Basiran, Penolong Ketua Pengarah Bahagian Pengurusan Korporat.

Perbincangan dua hala tersebut telah dipengerusikan oleh Mejar Jeneral Dato' Zulkifli bin Mazlan, Ketua Pengarah Jabatan Hal Ehwal Veteran ATM, Kementerian Pertahanan. Tujuan utama lawatan tersebut ialah untuk mendapatkan maklumat terperinci berkenaan fungsi dan tugas yang dilaksanakan oleh Jabatan Hal Ehwal Veteran menguruskan kebajikan pesara-pesara untuk diimplementasikan di peringkat jabatan. Selain itu, melalui lawatan ini juga dapat mengeratkan hubungan dua hala antara kedua-dua belah pihak.

Turut hadir ialah PgKB I Lee Siew Fatt, Ketua Unit Komunikasi Korporat, En. Perumal Ponnusamy, KPP Bahagian Seksyen Pembangunan Organisasi, pegawai-pegawai Jabatan Hal Ehwal Veteran ATM serta pegawai kanan JBPM.



LAWATAN KERJA KE JABATAN HAL EHWAL VETERAN ATM, KEMENTERIAN PERTAHANAN MALAYSIA





Majlis Jalinan Mesra Bersama **YAS KETUA PENGARAH** DI BALAI BOMBA DAN PENYELAMAT SERDANG, SELANGOR

15 Julai 2013 (Isnin) - Majlis Jalinan Mesra dengan YAS Ketua Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia telah menjadi satu tradisi di Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Selangor pada setiap tahun apabila menjelang Ramadhan. Majlis tersebut telah diadakan di Balai Bomba dan Penyelamat Serdang pada 15 Julai 2013.

Antara yang turut hadir ialah YS TPjB Dato' Soiman bin Jahid, Penolong Ketua Pengarah Bahagian Operasi kebombaan dan Penyelamat, YS PKPjB Mohamad Hamdan bin Hj. Wahid, Penolong Ketua Pengarah Bahagian Latihan, Penolong-Penolong Ketua Pengarah, Pengarah-Pengarah JBPM Negeri, pegawai-pegawai kanan serta kakitangan jabatan. Matlamat utama adalah untuk mengeratkan hubungan silaturahim antara pengurusan tertinggi jabatan dengan pegawai dan kakitangan JBPM Negeri Selangor.



Majlis Berbuka Puasa

PERINGKAT IBU PEJABAT
JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA,
PUTRAJAYA



18 Julai 2013 (Khamis) - bertempat di Perkarangan Balai Bomba dan Penyelamat Putrajaya telah diadakan Majlis Berbuka Puasa Peringkat Ibu Pejabat, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia. Bersempena majlis tersebut turut diadakan program Takziah Ramadhan yang disampaikan oleh penceramah jemputan. Majlis pada malam tersebut diteruskan dengan program berbuka puasa, solat terawih dan diakhiri dengan jamuan moreh.

Turut hadir ialah YAS Dato' Wan Mohd Nor bin Hj. Ibrahim, Ketua Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Penolong-Penolong Ketua Pengarah, Pengarah-Pengarah Negeri, pegawai-pegawai kanan serta kakitangan JBPM.



MAJLIS PELANCARAN “OPS RAYA” DAN **ANTI LITTER** SEMPENA **MUSIM PERAYAAN TAHUN 2013** KEMENTERIAN KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN



18 Julai 2013 (Khamis)

- Majlis Pelancaran “Ops Raya” dan *Anti Litter* Sempena Musim Perayaan Tahun 2013 KPKT telah diadakan di Plaza Tol Sg. Besi dan disempurnakan oleh YB Dato’ Abdul Rahman Dahlan, Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Antara program yang dijalankan sepanjang pelancaran tersebut ialah demonstrasi penyelamatan kemalangan jalan raya, penyerahan pelekat kenderaan *anti litter*, risalah pengurangan sisa makanan serta sumbangan bubur lambuk kepada pengguna lebuhraya.



Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia melaksanakan Ops Raya mulai 1 hingga 18 Ogos di 16 lokasi yang berisiko serta di semua balai dari seluruh negara yang melibatkan seramai 9,100 pegawai (71% pegawai bertugas) daripada 13,000 pegawai yang akan bertugas selama 24 jam secara giliran serta akan menggunakan jentera *Light Fire Rescue Tender (LFRT)*, *Rapid Intervention Motorcycle (RIM)* dan *Rapid Rescue Vehicle (RRV)*.



Tujuan utama pelancaran operasi tersebut ialah untuk meningkatkan kesedaran orang awam tentang bahayanya kebakaran dan kemalangan jalan raya, menjalinkan persefahaman diantara agensi-agensi yang terlibat dalam melaksanakan kerja mencegah dan menangani kecemasan serta mempertingkatkan kesejahteraan masyarakat.



Turut hadir ialah YBrs. Tuan Yong Bun Fau, Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar), Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, YAS Dato' Wan Mohd Nor bin Hj. Ibrahim, Ketua Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, YBhg. Dato' Dr. Nadzri bin Yahaya, Ketua Pengarah Pengurusan Sisa Pepejal Negara, Penolong-Penolong Ketua Pengarah serta pegawai-pegawai kanan KPKT dan JBPM.



MAJLIS JALINAN MESRA **YAS KETUA PENGARAH JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA** DENGAN PEGAWAI DAN KAKITANGAN JBPM NEGERI PAHANG



Majlis Jalinan Mesra YAS Ketua Pengarah dengan Pegawai dan kakitangan JBPM Negeri Pahang telah diadakan di Balai Bomba dan Penyelamat Karak pada 19 Julai 2013. Turut hadir di program tersebut ialah YAS Dato' Wan Mohd Nor bin Hj. Ibrahim, Ketua Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, YAS Dato' Mahadi bin Md Ali, Timbalan Ketua Pengarah (Operasi), YS PPjB Sobberi bin Basiran, Penolong Ketua Pengarah Bahagian Pengurusan Korporat, YS PKPjB Dato' Abdul Wahab bin Mat Yasin, Pengarah JBPM Negeri Pahang serta pegawai-pegawai kanan, agensi-agensi kerajaan serta kakitangan JBPM Negeri Pahang.

Antara pengisian acara majlis tersebut ialah berbuka puasa, solat maghrib dan isyak berjemaah serta solat sunat terawih.



MAJLIS PENYERAHAN KUNCI RUMAH

DI BAWAH PROGRAM “NATIONAL BLUE OCEAN STRATEGY (NBOS)”

DI TAMAN TASIK, KG. NAIL KUALA BESUT, TERENGGANU

24 Julai 2013 (Rabu) -Majlis Penyerahan Kunci Rumah di bawah Program “National Blue Ocean Strategy (NBOS)” di Taman Tasik Kg. Nail Kuala Besut, Terengganu telah disempurnakan oleh YAB. Dato’ Seri Haji Ahmad bin Said, Menteri Besar Terengganu.

Turut hadir ialah YB Dato’ Abdul Rahman Dahlan, Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, YBhg. Dato’ Seri Arpah binti Abdul Razak, Ketua Setiausaha Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, YAS Dato’ Wan Mohd Nor bin Hj. Ibrahim, Ketua Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, YAS Dato’ Hj. Amer bin Hj. Yusof, Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan) serta pegawai-pegawai kanan jabatan.

Projek pembinaan semula rumah terbakar milik En. Ramli bin Jusoh di Taman Tasik, Kg. Nail kuala Besut, Terengganu dibina semula oleh pegawai dan anggota Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Terengganu dengan kerjasama IRIS KOTO Industrialised Bulding Systems. Projek ini telah disiapkan dalam tempoh 10 hari iaitu pada 13 Julai hingga 23 Julai 2013. Rumah ini diberikan kepada penerima yang kurang berkemampuan, terlibat dengan kebakaran dan dicalonkan daripada Pihak Berkuasa Tempatan.



Majlis Jalinan Mesra dan Berbuka Puasa YAS KETUA PENGARAH

JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA DENGAN
PEGAWAI-PEGAWAI JBPM NEGERI SARAWAK



26 Julai 2013 (Jumaat) -YAS Dato' Wan Mohd Nor bin Hj. Ibrahim, Ketua Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia telah meluangkan masa untuk turun padang untuk memberikan sokongan dan komitmen kepada semua lapisan pegawai di majlis jalinan mesra dengan pegawai dan kakitangan JBPM Negeri Sarawak di Balai Bomba dan Penyelamat Kota Samarahan. Majlis tersebut juga turut dihadiri oleh YAS Dato' Mahadi bin Md Ali, Timbalan Ketua Pengarah (Operasi), YS PKPjB Nor Hisham bin Mohamad, Pengarah JBPM Negeri Sarawak, Ketua-ketua jabatan dan Ketua-ketua kaum sekitar Daerah Kota Samarahan, Pasukan-pasukan Bomba Sukarela di bawah Zon Kuching dan Samarahan, serta pegawai-pegawai kanan jabatan.



Majlis Jalinan Mesra ini merupakan satu wadah untuk merapatkan hubungan silaturrahim pihak pengurusan tertinggi jabatan dengan semua warga bomba disamping mengukuhkan hubungan kerjasama antara agensi dan masyarakat setempat. Dalam majlis tersebut, YAS Dato' Wan Mohd Nor bin Hj Ibrahim berkesempatan untuk menunaikan Solat Mahgrib, Isyak serta Solat Tarawih bersama-sama warga jabatan dan tetamu yang hadir.



Antara program yang diadakan ialah penyerahan kuih raya oleh YAS Ketua Pengarah kepada balai-balai sebagai tanda penghargaan dan sokongan kepada anggota bomba yang sentiasa komited menjalankan tugas.

Majlis Jalinan Mesra

YAS KETUA PENGARAH JBPM DENGAN PEGAWAI DAN KAKITANGAN JBPM KUALA LUMPUR



DI BALAI BOMBA DAN PENYELAMAT HANG TUAH, KUALA LUMPUR



Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Kuala Lumpur telah mengadakan Majlis Jalinan Mesra dengan YAS Ketua Pengarah JBPM pada 29 Julai (Isnin) di Balai Bomba dan Penyelamat Jalan Hang Tuah. Antara program yang diadakan ialah tazkirah yang disampaikan oleh YBhg. Ustaz Fauzi Zakaria, Solat Maghrib dan Solat Isyak berjemaah, berbuka puasa serta Solat Sunat Terawih.

Turut hadir ialah YBhg. Dato' Loga Bala Mohan, Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, YBhg. Dato' Badaruddin bin Hj. Mat Isa, Dato' Soh Chai, Datuk VM Panjarmoorty, YS PKPjB Khirudin bin Drahman, pegawai-pegawai kanan serta kakitangan jabatan.





Majlis Jalinan Mesra YAS KETUA PENGARAH JBPM DENGAN PEGAWAI DAN KAKITANGAN

JBPM NEGERI SEMBILAN DI BALAI BOMBA DAN PENYELAMAT TAMPIN,
NEGERI SEMBILAN



31 Julai 2013 (Rabu) - Majlis Jalinan Mesra, Ketua Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia bersama-sama warga JBPM Negeri Sembilan telah diadakan di Balai Bomba dan Penyelamat Tampin, Negeri Sembilan Darul Khusus pada 31 Julai 2013.

Antara pengisian program pada hari tersebut adalah tazkirah yang disampaikan oleh Ustaz Jaafar bin Abdullah, Imam 1 Masjid Jamek Tampin, bertajuk "Sambutan Syawal". Majlis tersebut diteruskan dengan majlis jamuan makan, solat maghrib, solat isyak dan seterusnya solat terawih.

Turut hadir ialah YAS Dato' Mahadi bin Md Ali, Timbalan Ketua Pengarah (Operasi), YS TPjB Dato' Soiman bin Jahid, Penolong Ketua Pengarah Bahagian Operasi Kebombaan dan Penyelamat, YS PKPjB Hj. Zulkarnain bin Kassim, Penolong Ketua Pengarah Bahagian Perancangan dan Penyelidikan, YS PPjB Sobberi bin Basiran, Penolong Ketua Pengarah Bahagian Pengurusan Korporat, YS PPjB Norazam bin Khamis Pengarah JBPM Negeri Sembilan, pegawai-pegawai kanan serta kakitangan JBPM Negeri Sembilan.





3 Ogos 2013 (Jumaat) - Majlis Jalinan Mesra Ketua Pengarah, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia dengan warga JBPM Negeri Pulau Pinang telah diadakan di Balai Bomba dan Penyelamat Bandar Perda. Majlis tersebut dimulakan dengan tazkirah ramadhan oleh YBhg. Al Fadhil Ustaz Amir bin Abu Hasan dan seterusnya majlis berbuka puasa dan solat maghrib secara berjemaah.

Majlis Jalinan Mesra

YAS Ketua Pengarah JBPM

Bersama-sama Warga JBPM Negeri Pulau Pinang



Antara segmen yang diadakan ialah penyampaian sumbangan kepada Maahad Tahfiz Al-Falah dan penyampaian cenderahati kepada pesara-pesara bomba. Tujuan majlis tersebut ialah untuk mengeratkan hubungan silaturrahim antara pengurusan tertinggi dengan pegawai bomba JBPM Negeri Pulau Pinang. Majlis diakhiri dengan solat isyak dan solat sunat tarawih secara berjemaah.

Turut hadir ialah YS TPjB Dato' Rusmani bin Mohamad, Penolong Ketua Pengarah Bahagian Keselamatan Kebakaran, YS PKPjB Hj. Azmi bin Tamat, Pengarah JBPM Negeri Pulau Pinang, pegawai-pegawai kanan serta kakitangan JBPM Negeri Pulau Pinang.





Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri

TAHUN 2013

JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT
MALAYSIA NEGERI SEMBILAN

15 Ogos 2013 (Khamis) - Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri Peringkat JBPM Negeri Sembilan telah diadakan di Balai Bomba dan Penyelamat Nilai, Negeri Sembilan pada 15 Ogos 2013. Majlis tersebut telah dilangsungkan dengan meriah dengan jumlah kehadiran melebihi 1,500 orang jemputan.

Turut hadir di majlis tersebut ialah YAB Dato' Seri Utama Hj Mohamad bin Hj Hasan, Menteri Besar Negeri Sembilan, YAS Dato' Wan Mohd Nor bin Hj. Ibrahim, Ketua Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, YB Dato' Mat Ali bin Hj Hassan, Setiausaha Kerajaan Negeri, YB Dato' Jalaluddin bin Hj Hj Alias, Ahli Exco Kerajaan Negeri Sembilan, YB Tuan Hj Abu Ubaidah bin Dato' Hj Redza, YBhg. Dato' Hj Omar bin Osman, President CUEPAC, YS PPJB Norazam bin Khamis, Pengarah JBPM Negeri Sembilan serta pegawai-pegawai kanan jabatan.

Sebanyak 17 gerai telah menyediakan pelbagai juadah antaranya kambing bakar, satay, nasi beriani dan sebagainya.





MAJLIS SAMBUTAN HARI RAYA AIDILFITRI TAHUN 2013 JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA KUALA LUMPUR

16 Ogos 2013 (Jumaat) - Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri Tahun 2013 Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Kuala Lumpur telah diadakan di Balai Bomba dan Penyelamat Jalan Hang Tuah pada 16 Ogos 2013.

Turut hadir YAS Dato' Wan Mohd Nor bin Wan Ibrahim, Ketua Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, YBhg. Dato' Badaruddin bin Hj. Mat Isa, YBhg. Dato' Soh Chai Hock, YBhg. Dato' Jaafar Sidek bin Tambi, YBhg. Tan Sri Lee Lam Thye, YBhg. Dato' VM Panjarmoorthy, pegawai-pegawai kanan serta kakitangan JBPM Kuala Lumpur.

Antara program yang diadakan ialah pemberian sumbangan duit raya kepada kanak-kanak yang disampaikan oleh YS PKPjB Khirudin bin Drahman @ Hussaini, Pengarah JBPM Kuala Lumpur.





MAJLIS SAMBUTAN HARI RAYA AIDILFITRI

JBPM NEGERI SELANGOR TAHUN 2013



16 Ogos 2013 (Jumaat) - Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri peringkat JBPM Negeri Selangor telah diadakan di Balai Bomba dan Penyelamat Kota Anggerik, Shah Alam pada 16 Ogos 2013.

Tetamu yang turut hadir majlis tersebut adalah YAS Dato' Wan Mohd Nor bin Hj. Ibrahim, pegawai-pegawai kanan jabatan, agensi-agensi luar serta kakitangan JBPM Negeri Selangor. Majlis tersebut turut dimeriahkan lagi dengan Kombo Bomba JBPM Negeri Selangor.

Antara program yang diadakan ialah penyampaian sumbangan duit raya kepada anak-anak pegawai yang disampaikan oleh YAS Dato' Wan Mohd Nor bin Hj. Ibrahim, Ketua Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia. Pelbagai hidangan dan juadah disediakan kepada para tetamu yang hadir pada majlis tersebut.



PERTANDINGAN KAWAD KECEKAPAN PERINGKAT KEBANGSAAN TAHUN 2013

JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA

18 hingga 23 Ogos 2013

Pertandingan Kawad Kecekapan Peringkat Kebangsaan Tahun 2013 Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia telah diadakan di Negeri Perak.

Pertandingan kawad kecekapan telah berlangsung selama enam (6) hari bermula pada 18 hingga 23 Ogos 2013. Sebanyak 10 acara dipertandingkan iaitu kawad kaki, kawad naik dan turun tangga, kawad operasi menyelamat di air, kawad operasi hantaran jauh berhalangan, kawad operasi penyelamatan kemalangan jalan raya, Fire Fighters' Challenge (FFC), sindiket perancangan dan strategi taktik operasi (table top), kawad operasi membentang hos (200 kaki), kawad operasi "Fireman Lift" dan Search and Rescue Navigation (SARNAV).



Majlis penutupan pertandingan tersebut telah disempurnakan oleh YB Dato' Saarani bin Mohamad, Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Luar Bandar, Perladangan, Pertanian, Perumahan dan Kerajaan Tempatan Negeri Perak yang mewakili YAB Menteri Besar Perak.

Turut hadir ialah YAS Dato' Wan Mohd Nor bin Hj. Ibrahim, Ketua Pengarah JBPM, YAS Dato' Hj. Amer bin Yusof, Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan), Penolong-Penolong Ketua Pengarah, Pengarah-Pengarah Bomba Negeri serta pegawai-pegawai kanan jabatan.

KONTINGEN	KAWAD KAKI	KAWAD MEMBENTANG HOS		KAWAD FIREMAN LIFT		KAWAD NAIK TURUN TANGGA			KAWAD RTA	TABLE TOP	KAWAD HANTARAN JAUH BERHALANGAN	KAWAD MENYELAMAT DI AIR (PPDA)	FFC	SARNAV
		<45	>45	<45	>45	<45	>45	W						
JBPM PERAK	12	30/31	5/29	9/11		3/21	2/5	10	11	4	11	10	11	9
JBPM SELANGOR	2	1/8	1/12	7/16	6/8	1/5	4/12	1	4	1	4	8	7	7
JBPM KUALA LUMPUR	5	12/28	16/25	2/28	2/7	4/6	18/19	12	12	15	5	9	10	-
JBPM JOHOR	9	22/32	14/28	6/8		26/31	10	15	13	8	10	16	14	-
JBPM PAHANG	13	10/18	13/17	15/20		18/20	13/20	9	5	6	12	2	9	-
JBPM KEDAH	8	6/20	3/27	18/26		23/30	11/14	2	10	11	2	1	6	3
JBPM PULAU PINANG	14	5/23	4/15	14/22		13/24	7/9	13	14	12	1	6	4	-
JBPM SABAH	15	2/4	19/21	3/30	3/4	17/25	1/22	4	3	5	8	4	1	4
JBPM SARAWAK	6	3/7	6/24	1/5	5	10/11	3/21	5	6	3	15	7	2	-
JBPM TERENGGANU	7	21/26	8	19/21		19/28	23	14	15	10	6	11	5	8
JBPM KELANTAN	3	16/19	7/10	31/32		9/27	-	-	2	14	9	12	12	5
JBPM MELAKA	11	13/14	18/22	27/29		15/32	16/17	11	9	13	7	15	15	2
JBPM NEGERI SEMBILAN	1	15/29	9/20	23/25	1	8/22	6/15	6	16	7	14	13	3	-
JBPM PERLIS	10	24/25	23/26	17/24		12/16	24	7	7	2	16	14	8	1
JBPM LABUAN	4	9/11	2	4/12		2/7	8	3	8	10	3	5	13	-
JBPM PUTRAJAYA	-	17/27	11	10/13		14/29	-	8	1	-	13	3	16	6
NORTHPORT (M)	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	3	-	-	-
TG LANGSAT PORT	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	2	-	-	-
BOMBA TUDM	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-
BOMBA TLDM	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-
MME	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-
KLJA	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	1	-	-	-



MESYUARAT PENGARAH-PENGARAH BOMBA NEGERI BIL.3/2013 JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA



Mesyuarat Pengarah-Pengarah Bomba Negeri Bil. 3/2013 Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia telah diadakan di Swiss Garden Golf Resort, Lumut Perak pada 19 hingga 21 Ogos 2013 yang dipengerusikan oleh YAS Dato' Wan Mohd Nor bin Hj. Ibrahim, Ketua Pengarah, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia.

Tujuan utama mesyuarat pada kali ini adalah untuk membincangkan isu-isu berkaitan perkembangan jabatan serta program dan aktiviti JBPM Negeri-Negeri yang akan diadakan untuk tempoh penggal yang kedua Tahun 2013.

Turut hadir ialah YAS Dato' Mahadi bin Md Ali, Timbalan Ketua Pengarah (Operasi), YAS Dato' Haji Amer bin Hj Yusof, Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan), Penolong-penolong Ketua Pengarah dan Pengarah-Pengarah JBPM Negeri.





PROGRAM GOTONG-ROYONG MALAYSIA SEMPENA KEMPEN KAWALAN TIKUS DI KUANTAN, PAHANG

24 Ogos 2013 (Sabtu) - Program gotong-royong 1Malaysia sempena Pelancaran Kempen Kawalan Tikus telah diadakan di Kuantan, Pahang pada 7 September 2013 yang disempurnakan oleh YB Norol Azali bin Sulaiman, Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan, Sumber Manusia, Negeri Pahang.

Turut hadir ialah YAS Dato' Wan Mohd Nor bin Hj. Ibrahim, Ketua Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, YS PKPjB Dato' Abdul Wahab bin Hj. Mat Yasin, Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Pahang, pegawai-pegawai kanan KPKT serta pegawai-pegawai JBPM Negeri Pahang.



Kempen secara besar-besaran yang dilancarkan oleh pihak kerajaan adalah bertujuan untuk mengatasi penularan wabak kencing tikus atau leptospirosis di negara ini yang dilihat amat berbahaya dan perlu diatasi segera. Antara faktor-faktor yang menyumbang kepada pembiakan populasi tikus seperti kebersihan premis makanan, mengelakkan pembuangan sisa-sisa makanan ke dalam longkang terbuka serta pelupusan sampah sarap perlulah diberi perhatian utama dan diuruskan secara berkesan dan efisien.



MAJLIS SAMBUTAN HARI RAYA AIDILFITRI TAHUN 2013

JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA
NEGERI KELANTAN

KELANTAN: 26 Ogos 2013

(Jumaat) - Majlis Sambutan Hari Raya Peringkat JBPM Negeri Kelantan telah diadakan di perkarangan Ibu Pejabat JBPM Negeri Kelantan pada 26 Ogos 2013. Lebih 700 tetamu termasuk Ketua-ketua jabatan persekutuan dan negeri serta warga jabatan turut hadir memeriahkan majlis.

Pelbagai hidangan dan juadah makanan telah disediakan oleh beberapa gerai dari balai-balai dan bahagian. Dalam Majlis ini turut diadakan penyampaian sumbangan kepada warga emas dan anak-anak yatim oleh YAS Dato' Wan Mohd Nor bin Hj. Ibrahim, Ketua Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia.



TAKLIMAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM BIL.31/2013 DI AKADEMI BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA WAKAF TAPAI, TERENGGANU



26 Ogos 2013 (Isnin) - Bertempat di Bilik Gerakan Akademi Bomba dan Penyelamat Malaysia Wakaf Tapai, Terengganu telah diadakan Mesyuarat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Bil.31/2013 yang dipengerusikan oleh YBhg. Tan Sri Mahmood Adam, Pengerusi Suruhanjaya Perkhidmatan Awam pada 26 Ogos 2013. Bersempena dengan mesyuarat tersebut, YAS Dato' Wan Mohd Nor bin Hj. Ibrahim, Ketua Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia telah menyampaikan taklimat organisasi JBPM kepada semua delegasi yang hadir ke mesyuarat tersebut. Selain sesi tersebut, kedua-dua pihak telah bertukar-tukar pendapat untuk memperkasakan organisasi ke arah kecemerlangan serta dapat mengeratkan hubungan dua hala. Pihak Akademi Bomba dan Penyelamat Malaysia Wakaf Tapai turut mengadakan simulasi latihan kebombaian iaitu "High Rise Simulator Fire Fighting Building" kepada semua yang hadir.



Pegawai kanan jabatan yang turut hadir ialah YAS Dato' Mahadi bin Md Ali, Timbalan Ketua Pengarah (Operasi), YAS Dato' Hj. Amer bin Hj. Yusof, Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan), En. Ramli bin Jusoh, Pengarah Pengurusan, PPJB Abd Razak bin Muda, Komandan Akademi Bomba dan Penyelamat Malaysia Wakaf Tapai, Terengganu, pegawai-pegawai Suruhanjaya Perkhidmatan Awam serta pegawai kanan jabatan.





26 Ogos 2013 (Isnin) bersamaan dengan 20 Syawal 1434H - Majlis Sambutan Hari Raya Aidil Fitri peringkat JBPM Negeri Terengganu telah diadakan di Ibu Pejabat, JBPM Negeri Terengganu. Majlis telah dimeriahkan lagi dengan kehadiran YAS Dato' Wan Mohd Nor bin Hj. Ibrahim, Ketua Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia dan Ahli Lembaga Pengarah Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) serta pegawai kanan jabatan.

Delegasi daripada Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) seramai 34 orang turut memeriahkan majlis yang diadakan. Rombongan tersebut terlebih dahulu dibawa melihat proses pengambilan pelatih mengikut syarat-syarat yang telah ditetapkan.

Majlis Sambutan HARI RAYA AIDILFITRI 2013

JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA
NEGERI TERENGGANU



KUNJUNGAN HORMAT

YS PENGARAH JBPM NEGERI SEMBILAN

KE BALAI UNDANG LUAK SG. UJONG, NEGERI SEMBILAN



30 Ogos 2013 bersamaan 23 Syawal 1434 Hijrah - YS PPjB Norazam bin Khamis, Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Negeri Sembilan telah diperkenan mengadap dan melakukan kunjungan hormat kepada Y.T.M Dato' Undang Luak Sungai Ujong, Dato' Klana Mubarak bin Dohak di Balai Undang Luak Sungai Ujong, Batu 3, Jalan Kuala Pilah, Ampangan, Seremban, Negeri Sembilan Darul Khusus.

Turut hadir di dalam kunjungan hormat ialah PgKB I Johari bin Haji Ahmad, Timbalan Pengarah, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Sembilan, PgKB II Jamaluddin bin Marawi, Penolong Pengarah Bahagian Keselamatan Kebakaran, PgB Zulkifli bin Ma'am, Penolong Pengarah Bahagian Penyiasatan Kebakaran serta pegawai-pegawai kanan JBPM Negeri Sembilan.

Semasa kunjungan hormat tersebut, Y.T.M Dato' Undang Luak Sungai Ujong telah menasihatkan kepada semua pegawai bomba agar terus berbakti kepada masyarakat tanpa mengira masa.

PERARAKAN HARI KEMERDEKAAN KE-56



31 Ogos 2013 (Sabtu)

Bersamaan dengan 24 Syawal 1434H - Sambutan Hari Kemerdekaan Peringkat Kebangsaan telah diadakan di Dataran Merdeka bertemakan Malaysiaku Berdaulat: Tanah Tumpahnya Darahku. Tema tersebut lebih bersifat perpaduan dan berorientasikan kepada patriotik dan kesatuan negara bangsa. Lebih 20,000 orang membanjiri Dataran Merdeka yang menampilkan perarakan dan perbarisan 16,375 peserta mewakili pelbagai jabatan, agensi dan pertubuhan termasuk para pelajar.

Acara bermula sejurus keberangkatan tiba Yang Di-Pertuan Agong Almu'tasimu Billahi Muhibbuddin Tuanku AlHaj Abdul Halim Mu'adzam Shah Ibni AlMarhum Sultan Badlishah dan Raja Permaisuri Agong Tuanku Hajah Haminah Hamidun yang disambut oleh YAB Perdana Menteri, Dato' Sri Mohd Najib Tun Abd Razak dan YBhg. Datin Sri Rosmah Mansor. Sambutan dimulakan dengan upacara menaikkan Jalur Gemilang diiringi Lagu Negaraku dan tembakan meriam 14 das oleh 41 Bateria, Rejimen Artileri Diraja, Angkatan Tentera Malaysia (ATM).





Perbarisan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia diketuai oleh PgKB II Mohd Hafiz Hafiz bin Timaradin, dengan kekeuatan anggota perbarisan seramai 400 orang. Antara unit yang terlibat sempena sambutan tersebut ialah Unit Pemadaman, Unit HAZMAT, Unit siasatan kebakaran, Unit Emergency Medical Rescue Service (EMRS), Unit PPDA, Unit High Rise Rescue, Special Tactical Operation Rescue (STORM), Unit Udara Bomba dan Unit Komunikasi.



Majlis sambutan tersebut diteruskan dengan segmen pertama iaitu bacaan Rukun Negara melibatkan para penuntut dari Jabatan Pendidikan dalam acara bacaan ikrar dan persembahan kontijen di padang. Manakala segmen kedua ialah Kesatuan Rakyat dan Perpaduan Sejahtera melibatkan Persembahan "flash mob" tersebar dari 500 orang pelbagai kaum. Segmen ketiga persembahan "drumline" yang melibatkan beberapa babak penceritaan dan segmen akhir ialah persembahan Pasukan Keselamatan iaitu Angkatan Tentera Malaysia, Polis Diraja Malaysia serta Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia.

Turut hadir ialah YAS Dato' Wan Mohd Nor bin Hj. Ibrahim serta YBhg. Datin Zuhairah binti Yaacob, YAS Dato' Hj. Amer bin Hj. Yusof, Penolong-Penolong Ketua Pengarah, Pengarah-Pengarah Negeri serta pegawai-pegawai kanan jabatan.



LAWATAN KERJA YB MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN KE BALAI BOMBA DAN PENYELAMAT TABUAN JAYA

2 September 2013 (Isnin)

- YB Dato' Abdul Rahman Dahlan,

Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan

dan Kerajaan Tempatan telah mengadakan lawatan

kerja ke Balai Bomba dan Penyelamat Tabuan Jaya pada

2 September 2013 (Isnin). Turut hadir ialah YBhg. Dato'

Seri Arpah binti Abdul Razak, Ketua Setiausaha Kementerian

Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, YAS

Dato' Wan Mohd Nor bin Hj. Ibrahim, Ketua Pengarah Jabatan

Bomba dan Penyelamat Malaysia dan Ketua-ketua jabatan KPKT,

YB Tuan Hj. Abdul Karim bin Hj. Rahman Hamzah, Menteri Muda

Perumahan dan Menteri Muda Pembangunan Komuniti Belia (Kawasan

Bandar) Negeri Sarawak, YBhg. Datu Penguang Manggil, Setiausaha

Tetap Kementerian Kerajaan Tempatan dan Pembangunan Komuniti

Sarawak dan wakil Setiausaha Persekutuan Sarawak serta pegawai-

pegawai kanan jabatan.

Ketibaan YB Menteri disambut dengan menerima tabik

hormat daripada perbarisan Kehormat. Dalam lawatan

tersebut, YB Menteri berkesempatan melawat

persekitaran balai dan kelengkapan operasi

balai. Majlis diakhiri dengan sesi

bergambar dengan warga JBPM

Negeri Sarawak.

LAWATAN TAPAK PROJEK PEMBINAAN AKADEMI BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA TRONOH DAN IBU PEJABAT JBPM NEGERI PERAK



YAS Dato' Wan Mohd Nor bin Hj. Ibrahim, Ketua Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia telah mengadakan lawatan kerja ke tapak projek pembinaan Akademi Bomba dan Penyelamat Malaysia Tronoh dan Ibu Pejabat JBPM Negeri Perak pada 5 September 2013 (Khamis).

Tujuan utama lawatan tersebut ialah untuk mengetahui dan menilai perkembangan status projek serta melawat persekitaran projek bangunan baru Ibu Pejabat JBPM Negeri Perak dan Akademi Bomba dan Penyelamat Malaysia Tronoh.

Turut hadir ialah YS TPjB Dato' Soiman bin Jahid, Penolong Ketua Pengarah Bahagian Operasi Kebombaan dan Penyelamat, YS PKPjB Mohammad Hamdan bin Hj. Wahid, Penolong Ketua Pengarah, Bahagian Latihan, YS PPjB Sobberi bin Basiran, Penolong Ketua Pengarah Bahagian Pengurusan Korporat, YS PKPjB Hj. Yahya bin Hj. Madis, Pengarah JBPM Negeri Perak, PgKB I Mat Zin bin Salleh, Komandan Akademi Bomba dan Penyelamat Malaysia Ipoh serta pegawai-pegawai kanan jabatan.



MAJLIS HARI TERBUKA PANGKALAN UDARA JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA BERTAM, PULAU PINANG

Majlis Hari Terbuka Pangkalan Udara Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Bertam, Pulau Pinang telah diadakan pada 5 September 2013 (Khamis).

Turut hadir ialah YAS Dato' Wan Mohd Nor bin Hj Ibrahim, Ketua Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, YB Datuk Seri Rezal Merican bin Naina Merican (Ahli Parlimen Kepala Batas), YB Datuk Roslan bin Saidin (ADUN Pinang Tunggal), Pengurusan tertinggi jabatan, Ketua-ketua jabatan peringkat negeri dan persekutuan serta masyarakat sekitar kawasan Pinang Tunggal. Lebih 3,000 orang jemputan telah hadir ke majlis tersebut.

Pelbagai program dan aktiviti diadakan sempena majlis tersebut iaitu pertandingan memasak, pameran kebombaanan, demonstrasi pesawat, bacaan yasiin dan tahlil, sukaneka kebombaanan, pertunjukan *remote control helicopter* dan sebagainya.



MAJLIS SAMBUTAN HARI RAYA AIDILFITRI 2013 PERINGKAT JBPM NEGERI PERAK



6 September 2013 (Jumaat) - Majlis Sambutan Hari Raya 2013 Peringkat JBPM Negeri Perak telah diadakan di perkarangan Ibu pejabat JBPM Negeri Perak pada 6 September 2013 (Jumaat). Turut hadir ialah YAS Dato' Wan Mohd Nor bin Hj. Ibrahim, Ketua Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, YS PKPjB Hj. Yahaya bin Hj. Madis, Pengarah JBPM Negeri Perak, YBhg. Dato' Jaafar bin Sidek, YBhg. Dato' Hj Mohd Din bin Rajad, Penolong-Penolong Ketua Pengarah, Pengerusi Pasukan Bomba Sukarela, anak-anak yatim serta pegawai kanan jabatan.

Antara program yang diadakan ialah penyampaian sumbangan duit raya kepada anak-anak yatim serta penyampaian hadiah kepada pemenang gerai paling ceria. Majlis pada malam tersebut telah diiringi oleh Kombo 'D Komer Jer' dari JBPM Negeri Perak.





MAJLIS SAMBUTAN HARI RAYA AIDILFITRI PERINGKAT JBPM NEGERI PAHANG

Majlis Sambutan Hari Raya Aidil Fitri Peringkat JBPM Negeri Pahang telah diadakan di Dewan Serbaguna, Ibu Pejabat JBPM Negeri Pahang pada 7 September 2013.

Antara program yang diadakan sempena majlis tersebut adalah penyampaian sumbangan aidilfitri kepada anak-anak anggota bomba yang disampaikan oleh YAS Dato' Wan Mohd Nor bin Hj. Ibrahim, Ketua Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia. Pelbagai menu dan juadah telah disediakan untuk para pengunjung pada majlis tersebut.

Turut hadir ialah YS PKPjB Dato' Abdul Wahab bin Mat Yasin, Pengarah JBPM Negeri Pahang, pegawai-pegawai kanan, kakitangan jabatan serta para penduduk setempat.



MAJLIS RAMAH MESRA YB MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN BERSAMA KOMUNITI

8 September 2013 (Ahad) - YB Dato' Abdul Rahman Dahlan, Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah mengadakan Majlis Ramah Mesra Bersama Komuniti di Perkarangan Stadium Darul Aman, Kedah pada 8 September 2013 (Ahad).

Turut memeriahkan majlis tersebut ialah YAB Dato' Paduka Hj. Mukhriz Tun Mahathir, Menteri Besar Kedah, YB Dato' Dr. Ku Abd. Rahman bin Ku Ismail, Exco Negeri Kedah, YB Datuk Suraya binti Yaacob, Exco Negeri Kedah, YB Dato' Tajul Urus bin Mat Zain, Exco Negeri Kedah, YBhg. Dato' Seri Arpah binti Abdul Razak, Ketua Setiausaha, Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, YAS Dato' Wan Mohd Nor bin Hj. Ibrahim, Ketua Pengarah, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, YAS Dato' Mahadi bin Md Ali, Timbalan Ketua Pengarah (Operasi), Penolong-Penolong Ketua Pengarah, Pengarah-Pengarah Negeri, Pegawai-pegawai kanan Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, pihak swasta, NGO's, pegawai-pegawai kanan JBPM, pesara-pesara bomba, para penduduk setempat serta para tetamu yang dijemput khas ke majlis ini.

Sempena majlis tersebut jabatan telah mengadakan pameran kebomba, dan persembahan kebudayaan yang diiringi oleh Kombo Bomba Malaysia.





WAWANCARA DI BERNAMA

12 September 2013 (Khamis) - YAS Dato' Wan Mohd Nor bin Haji Ibrahim, Ketua Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia telah diwawancara oleh BERNAMA TV di Wisma Bernama Kuala Lumpur pada 12 September 2013, pukul 3.00 petang. Turut terlibat dalam wawancara tersebut ialah YS PKPjB Khirudin bin Drahman @ Husaini, Pengarah JBPM Kuala Lumpur.

Tujuan utama wawancara tersebut ialah untuk mengetahui mengenai persediaan jabatan untuk memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada masyarakat dan hala tuju strategik jabatan untuk menjadi sebuah organisasi kebombaanan dan penyelamat yang berprestasi tinggi. Perbincangan dua (2) hala antara YAS Ketua Pengarah dengan YBhg. Dato' Ibrahim bin Yahya, Ketua Eksekutif BERNAMA TV Synergy mengakhiri program tersebut.



PROGRAM KEMPEN KESELAMATAN KEBAKARAN

PERINGKAT ZON TAWAU

JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA NEGERI SABAH



15 September 2013 (Ahad) - YB Dato' Abdul Rahman Dahlan, Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah menyempurnakan Program Kempen Keselamatan Kebakaran Peringkat Zon Tawau, JBPM Negeri Sabah di Dewan Yayasan Lau Gek Poh pada 15 September 2013.

Antara segmen yang diadakan ialah pertandingan mewarna Kelab 3K, pertandingan kawad operasi, penyampaian sijil Skim Teman Pili Bomba, penyerahan alat pemadam api, demonstrasi kebombaian dan sebagainya. Tujuan utama program ialah untuk memberikan pendedahan dan pengetahuan asas berhubung aspek keselamatan kebakaran, mendedahkan langkah-langkah perlindungan dan pencegahan kebakaran di kalangan masyarakat umum serta memberikan pengetahuan asas dalam teknik-teknik pencegahan kebakaran kepada setiap lapisan masyarakat.

Turut hadir ialah YS TPjB Dato' Rusmani bin Mohamad, Penolong Ketua Pengarah Bahagian Keselamatan Kebakaran, YS PKPjB Nordin bin Pauzi, Pengarah JBPM Negeri Sabah serta pegawai-pegawai kanan JBPM.





Majlis Perasmian
**AKADEMI BOMBA DAN
PENYELAMAT MALAYSIA**
WAKAF TAPAI, TERENGGANU

24 September 2013 (Selasa) bersamaan 18 Zulkaedah 1434 Hijrah - Majlis Perasmian Akademi Bomba dan Penyelamat Malaysia Wakaf Tapai, Terengganu telah disempurnakan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Al-Wathiqu Billah Sultan Mizan Zainal Abidin Ibni Almarhum Sultan Mahmud Al-Muktafi Billah Shah, Sultan dan Yang Di-Pertuan, Negeri Terengganu Darul Iman serta jajahan taklukannya.



Turut berangkat ke majlis tersebut ialah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultanah Nur Zahirah, Sultanah Terengganu. Turut hadir ialah YAB Dato' Seri Haji Ahmad bin Said, Menteri Besar Terengganu Darul Darul Iman, YAB To' Puan Seri Hajah Norliza binti Mahmud, YB Dato' Abdul Rahman Dahlan, Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, YB Dato' Hj. Mazlan bin Ngah, Setiausaha Kerajaan, YBhg. Berbahagia To' Puan Hajah Rohani binti Abdullah, YBhg. Dato' Seri Arpah binti Abdul Razak, Ketua Setiausaha Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan Malaysia, YAS Dato' Wan Mohd Nor bin Hj. Ibrahim, Ketua Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, YAS Dato' Mahadi bin Md. Ali, Timbalan Ketua Pengarah (Operasi), penolong-penolong Ketua Pengarah Bahagian, Pengarah-Pengarah Negeri, Ahli-Ahli Yang Berhormat, Ketua-Ketua Jabatan, pemimpin masyarakat dan orang ramai di sekitar Negeri Terengganu.



Majlis pada pagi tersebut dimulakan dengan pemeriksaan kawalan kehormatan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Al-Wathiqu Billah Sultan Mizan Zainal Abidin Ibni Almarhum Sultan Mahmud Al-Muktafi Billah Shah, Sultan dan Yang Di-Pertuan, Negeri Terengganu Darul Iman. Seterusnya baginda telah menyempurnakan titah perasmian Akademi Bomba dan Penyelamat Malaysia Wakaf Tapai, Terengganu dengan menekan butang perasmian, gimik serta menandatangani plak perasmian.

"CEPAT DAN MESRA"



Ibu Pejabat

Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia
Lebuh Wawasan, Presint 7, 62250 Putrajaya.
Tel : 603-8888 0036 / Faks : 603-8888 0840
email : korporat@bomba.gov.my
website : www.bomba.gov.my



*Diterbitkan oleh Bahagian Pengurusan Korporat
JBPM, Putrajaya.*